

**MEDIA  
BAHARU**  
*dalam*  
**PENDIDIKAN**

Editor

*Siti Nasarah Ismail  
Dzaa Imma Abdul Latiff*

**PENERBIT**  **PRESS**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© Penerbit UiTM, UiTM 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MEDIA BAHARU dalam PENDIDIKAN / Editor: Siti Nasarah Ismail,

Dzaa Imma Abdul Latiff.

ISBN 978-967-363-596-2

1. Twitter.
  2. Facebook (Electronic resource).
  3. YouTube (Electronic resource).
  4. Cloud computing.
  5. Online social networks.
  6. Mass media--Study and teaching.
  7. Government publications--Malaysia.
- I. Siti Nasarah Ismail.  
II. Dzaa Imma Abdul Latiff.  
302.30285

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam  
Selangor

## **Kandungan**

|  |     |
|--|-----|
| <i>Prakata</i>   | vii |
| Pelaksanaan Twitter dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)  | 1   |
| Facebook sebagai Medium Interaksi Sosial dan Sumber Pembelajaran   | 19  |
| Mendepani Teknologi Pengkomputeran Awan ( <i>Cloud Computing</i> ) dalam Dunia Pendidikan  | 31  |
| Penggunaan Konsep <i>Mobile Assisted Language Learning</i> (MALL) dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris   | 43  |
| Pendidikan Awal Kanak-kanak melalui Aplikasi Multimedia: Peranan Ibu Bapa dalam Memacu Perkembangan dan Keberkesanannya Penggunaannya di Rumah | 51  |
| Keberkesanannya YouTube dalam Dunia Pendidikan   | 63  |
| Rangkaian Sosial dan Blog dalam kalangan Remaja: Impak ke atas Komunikasi Interpersonal dan Pembelajaran                                       | 77  |
| Pembelajaran Hibrid sebagai Inovasi Milenium di Institusi Pengajian Tinggi bagi Memperbaiki Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar           | 93  |

## **Prakata**

*Media Baharu dalam Pendidikan* menghimpunkan 12 tajuk utama hasil tulisan dan sumbangan ahli-ahli akademik daripada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA yang membincangkan isu-isu pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium baharu sebagai pelengkap kepada cara konvensional. Tulisan ini dihasilkan dan diolah melalui kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.

Kupasan dalam buku ini menjurus kepada bagaimana media baharu memainkan peranan dalam membantu sistem pembelajaran dan pengajaran. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan dalam usaha memperkenalkan penggunaan media baharu dan teknologi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Merujuk kepada definisi media baharu itu sendiri, institusi-institusi pendidikan kini semakin terbuka menggunakan media baharu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran mereka. Namun begitu, terdapat juga beberapa isu dan cabaran dalam meneruskan usaha ini, sama ada dalam kalangan tenaga pengajar mahupun pelajar.

Penerbitan buku ini bertujuan dijadikan sebagai bahan rujukan oleh ahli akademik dan pelajar kolej atau universiti, khususnya dalam bidang Komunikasi Media. Ia juga boleh dijadikan panduan dalam memantapkan perbincangan komunikasi dan media dari aspek yang lebih luas dalam kalangan para akademik, amnya.

Diharapkan penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar dan ahli akademik serta kepada semua individu yang ingin

# **Pelaksanaan Twitter dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)**

Muhammad Hakimi Tew Abdullah

Muhamad Hanapi Khamis

Abdul Rauf Ridzuan

## **PENGENALAN**

Malaysia abad ke-21 kini sedang menghadapi desakan penggunaan teknologi yang telah meningkat dengan pesat melangkaui jangkaan kita. Satu perkembangan yang amat ketara di dunia ialah apabila berlakunya ledakan teknologi maklumat. Dalam situasi negara menghadapi cabaran baharu kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan ICT, kemunculan medium media baharu iaitu Internet, Blog, Twitter, Facebook dan sebagainya, telah menyemarakkan proses transformasi media dan melancarkan revolusi ICT (*Abdullah et al.*, 2017). Hal ini selaras dengan matlamat kerajaan sejak dari awal dahulu lagi, iaitu untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan ICT di Malaysia (*Mohd Yusof et al.*, 2009 & *Ali Salman et al.*, 2010).

Media baharu, terutamanya Web 2.0 telah berkembang dalam persekitaran awam sehingga membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menyertai proses penyebaran maklumat yang demokrasi, mobilisasi kepada orang ramai (*Abdullah et al.*, 2017). Kini, kewujudan Web 3.0 telah merancakkan lagi penyebaran maklumat dalam kalangan pengguna media sosial. Oleh itu, media baharu telah menjadi satu lingkaran publisiti yang membolehkan kemunculan pelbagai suara dan mencerminkan kepelbagaiannya idea (*Leong*, 2015).

Mutakhir ini, pelbagai inovasi dan perubahan telah berlaku sekeliling kita. Salah satunya adalah pembelajaran melalui media sosial. Masyarakat kini lebih gemar untuk melayari media sosial pada bila-bila masa atau di